

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI • UNIVERSITY HEALTH CENTRE

TATACARA BAHARU PENGURUSAN DAN PENGESANAN KES POSITIF COVID-19 DAN KONTAK RAPAT DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah menerima pemakluman peningkatan mendadak kes POSITIF COVID-19 dan kontak rapat di dalam kampus yang melibatkan pembukaan beberapa buah Rumah Tamu Kolej untuk dijadikan Pusat Kuarantin Pesakit COVID-19 serta beberapa buah blok di setiap kolej kediaman sebagai tempat kuarantin kontak rapat.

Sehubungan itu, pihak PKU ingin memaklumkan tatacara baharu pengurusan dan pengesanan kes POSITIF COVID-19 dan kontak rapat untuk dipatuhi oleh semua warga UKM iaitu seperti berikut:

- i. Pelajar yang menginap di dalam kolej kediaman yang dikategorikan sebagai kes POSITIF COVID-19 akan dipindahkan ke Pusat Kuarantin di Rumah Tamu Kolej Kediaman yang telah ditetapkan;
- ii. Pelajar yang menginap di dalam kolej kediaman yang menjadi kontak rapat perlu kekal kuarantin di dalam bilik masing-masing. Tiada lagi keperluan pemakaian gelang kepada pelajar kontak rapat ini. Pelajar kontak rapat ini hendaklah mengemaskini status pada aplikasi MySejahtera; dan
- iii. Warga UKM (staf dan pelajar) sama ada yang dikategorikan sebagai kes POSITIF COVID-19 atau kontak rapat hendaklah mengikuti tatacara pengesanan kes seperti dinyatakan di **Lampiran A**.



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: 03-89215087/4510 E-mel: drazman@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pusatkesihatan>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

TATACARA BAGI WARGA UKM (STAF DAN PELAJAR) YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI POSITIF COVID-19

1. Memberikan maklumat yang berkaitan bagi pelaporan data Bilik Gerakan COVID-19 UKM melalui pautan berikut <https://forms.gle/WaYkqhSMtUoL2Hk19>
2. Mengemaskini maklumat dalam aplikasi MySejahtera (wajib) bagi rujukan Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Melaporkan kepada ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing tempoh kuarantin yang dipaparkan pada status Mysejahtera (Salinan tangkap layar perlu dimajukan kepada Ketua PTj masing-masing bagi tujuan pengurusan sumber manusia).
4. Menyenaraikan kontak rapat dan memaklumkan kepada kontak rapat tersebut mengenai risiko jangkitan serta tindakan yang perlu dilaksanakan oleh kontak rapat.

TATACARA BAGI WARGA UKM (STAF DAN PELAJAR) YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI KONTAK RAPAT

1. Kontak rapat perlu melakukan ujian COVID-19 iaitu sama ada Ujian Kendiri Saliva atau calitan hidung bagi RTK Antigen atau PCR.
2. Memberikan maklumat yang berkaitan bagi pelaporan data Bilik Gerakan COVID-19 UKM melalui pautan berikut <https://forms.gle/WaYkqhSMtUoL2Hk19>
3. Mengemaskini maklumat dalam aplikasi MySejahtera (wajib) bagi rujukan Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Melaporkan kepada ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing tempoh kuarantin yang dipaparkan pada status Mysejahtera (Salinan tangkap layar perlu dimajukan kepada Ketua PTj masing-masing bagi tujuan pengurusan sumber manusia).

Diharapkan semua PTj dapat memberikan kerjasama dengan memastikan tatacara ini dipatuhi oleh semua bagi melancarkan pengurusan kes positif COVID-19 dan kontak rapat bagi warga UKM.

Sekian harap maklum. Terima kasih.

**PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
14 FEBRUARI 2022**



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: 03-89215087 E-mel: drazman@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pusatkesihatan>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my